

# Warga kampus UMSKAL sambut tradisi Pongal Tamil

UB 27.2.2018 A2

Oleh HENRY BATING

**LABUAN:** Perayaan Pongal untuk warga kampus UMSKAL di sini diraikan pada Isnin meskipun tarikh rasmi perayaan itu jatuh pada 14 Januari, sekadar memberi simbol dan menyempurnakan kalender pelaksanaan aktiviti Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas).

Pengarah Program Thinesh Ganesan berkata Pongal yang bererti ‘masa menuai’ dalam tradisi masyarakat India Selatan tidak dapat diadakan pada tarikh sepatutnya berikutan cuti semester.

“Ini adalah antara tiga perayaan India yang mengisi kalender tahunan kampus, selain Pesta Cahaya dan Malam Budaya India,” katanya.

Mengisi perayaan Pongal ialah pertandingan memasak Pongal dalam tembikar menggunakan kayu api, persempahan tradisi India dan penyampaian hadiah pelbagai cara yang dipertandingkan.

Pongal menandakan masa untuk orang Tamil menuai hasil tanaman dan dirayakan pada permulaan bulan Thai mengikut kalender Tamil. Pongal dirayakan bagi



## PONGAL UMSKAL disempurnakan perasmianya.

merakamkan ‘uttarayan’ atau pergerakan matahari menuju ke utara. Mengikut tradisi, Pongal dirayakan tiga hari berturut-turut.

Hari pertama adalah menyambut surya pongal sebagai memberi penghormatan kepada matahari. Anak dara bangun awal menghias dan memasak pongal (campuran beras, gula dan susu) di halaman rumah dengan membiarkan masakan melimpah sebagai simbol limpahan kehidupan serba baik.

Hari kedua ialah ‘mattu pongal’ iaitu memandikan

lembu-lembu lalu membubuh kunyit pada tanduk dan badan serta dikalungkan dengan bunga. Pongal yang dimasak turut disuap kepada lembu.

Hari ketiga ialah ‘kanni pongal’ bermaksud anak dara memasak pongal beramai-ramai di rumah atau di kuil dengan kehadiran ramai orang.

Hadir menyaksikan Pongal ialah Timbalan Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik Dr Zamhar Iswandon Ag Ismail dan Pengetua Kolej Kediaman UMSKAL Dr Hadzariah Ismail.